

50 peserta ikuti Kursus Keusahawanan Digital MARA



PESERTA....Azhar (empat kiri) dan Dr Salmah (lima kiri) bersama peserta Kursus Keusahawanan Digital yang diadakan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan bermula kelmari hingga esok (Ahad).

NST 6.10.2018

LABUAN: Seramai 50 peserta mengikuti Kursus Keusahawanan Digital di Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Aras 9, Bangunan Menara UMSKAL.

Kursus tiga hari yang bermula kelmari itu dikendalikan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (Erdec) UMS dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan FKI UMSKAL.

Menurut Pegawai MARA Labuan, Mohd Azhar Mohamed, peserta itu terdiri daripada pelajar Institusi Pendidikan Mara (IPM) dan usahawan yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan termasuk food truck, jahitan dan produk kecantikan.

Katanya, kursus itu bertujuan untuk memperkenalkan perniagaan digital kepada peserta untuk mengembangkan lagi bidang keusahawanan yang mereka ceburi.

Selain itu, beliau mahu peserta menggunakan facebook media sosial sebagai

medium menjalankan perniagaan.

"Kami berharap peserta dapat menceburkan diri dalam digital ekonomi,"katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan kepada peserta kursus.

Kursus itu dikendalikan Pengarah Erdec UMS, Dr Salmah Topimin yang dibantu tiga fasilitator yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakunaan (FPEP), Dr Noor Fzlinda Fabeil dan dua pensyarah FKI, Mohd Yuzren Yusak dan Nona Masnie Haji Mohd Nistah.

Azhar berkata kursus yang julung kalinya diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan diharap memberi manfaat kepada peserta yang terdiri daripada pelajar dan usahawan tempatan.

"Peserta perlu memanfaatkan ilmu yang diperolehi daripada penceramah yang berpengalaman dalam bidang digital untuk mengembangkan lagi perniagaan yang mereka ceburi,"katanya. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN**